

# Pembangunan rakyat diutamakan: PM

BH 15 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Jumaat — Belanjawan 1991 adalah yang terbaik, dengan memberi penekanan kepada pembangunan rakyat, hasil pertumbuhan ekonomi negara yang menggalakkan dan kestabilan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, belanjawan kali ini juga tidak menumpukan perhatian kepada memberi keuntungan kepada satu pihak saja, sebaliknya ia adalah belanjawan untuk semua orang.

"Kita sedar semua pihak memainkan fungsi dalam menentukan kestabilan negara, yang menjadi sebahagian faktor kepada kemajuan negara. Kalau negara kita tidak stabil, mustahil kita boleh mencapai pembangunan yang pesat dan memberi hasil pembangunan kepada rakyat," katanya ketika ditemui di Bangunan Parlimen, di sini hari ini sebaik saja belanjawan negara selesai dibentangkan.

Bagaimanapun, secara peribadi beliau berpendapat, kegembiraan orang ramai terhadap belanjawan ini akan berkurangan dan mulai melihat segala yang buruk dalam belanjawan berkenaan.

"Hari ini, ramai yang akan gembira dengan belanjawan ini, tetapi saya percaya ia tidak lama. Besok, kegembiraan itu akan kurang sikit. Seminggu kemudian, ada yang mula berpendapat ini tak baik dan itu tak baik. Lepas sebulan, semua yang baik akan hilang.

"Saya sudah lama berada dalam Parlimen dan sudah mendengar banyak kali belanjawan negara, yang baik dan tidak baik. Kalau yang tidak baik, awal-awal lagi kita akan mendengar kritikan.

"Bagaimanapun, belanjawan yang baik sekalipun, akan ada pakar yang membuat analisis mendalam dan mendapati belanjawan itu sebenarnya tidak memberi sebarang kebaikan. Semua ini ramalan saya sajalah," katanya.

Beliau yang gembira dengan belanjawan ini menegaskan, ia

**LIHAT MUKA 4**

## Kerjasama diperlukan

DARI MUKA 5 DEC 1990

dibuat atas rasa keikhlasan kerajaan untuk membina dan membangunkan masyarakat penyayang, iaitu menolong seberapa ramai rakyat, di samping membangunkan ekonomi.

"Oleh itu, kita harap rakyat memberi kerjasama kerana mereka akan mendapat hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara kita," katanya.

Mengenai pengecualian cukai, Perdana Menteri menjelaskan, ia dapat dilakukan kerana kerajaan berkemampuan, hasil peningkatan daya pengeluaran negara.

"Rakyat mahu kita berbelanja banyak untuk infrastruktur dan rakyat juga hendak kita mengurangkan cukai. Dalam hal ini, kita boleh melakukannya dalam dua cara saja, iaitu meningkatkan daya pengeluaran kerana wang yang diperolehi hasil pelaburan perlu disediakan kemudahan asas," katanya.

Menurutnya, keadaan di Malaysia adalah istimewa sekali walaupun tidak mempunyai sumber minyak yang banyak seperti negara lain.

"Kita berjaya mempelbagaikan punca pertumbuhan

ekonomi dan sebab itu, walaupun harga minyak naik, kita mampu untuk tidak menaikkan harga minyak terlalu tinggi bagi mengelakkan tekanan inflasi.

Ditanya mengenai kesan krisis terhadap perbelanjaan negara, Perdana Menteri berkata, buat masa ini, ia tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi kerana Malaysia tidak mengikut secara tergesa-gesa kenaikan harga minyak dunia.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tetap kluatir dengan kenaikan harga itu akan mengurangkan eskport barangan tempatan.